



JABATAN MUFTI NEGERI SELANGOR

# Garis panduan

**ETIKA BERPAKAIAN  
BAGI ORANG ISLAM  
DI PREMIS-PREMIS KERAJAAN  
NEGERI SELANGOR**





# Garis panduan

**ETIKA BERPAKAIAN  
BAGI ORANG ISLAM  
DI PREMIS-PREMIS KERAJAAN  
NEGERI SELANGOR**

# **GARIS PANDUAN ETIKA BERPAKAIAN BAGI ORANG ISLAM DI PREMIS-PREMIS KERAJAAN NEGERI SELANGOR**

---

©2017, Jabatan Mufti Negeri Selangor

Cetakan Kedua 2019

Hak Cipta Terpelihara. Tidak dibenarkan mengulang cetak mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan buku ini di dalam apa jua cara sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau selainnya sebelum mendapat izin bertulis daripada SS Mufti, Jabatan Mufti Negeri Selangor

ISBN : 978-983-42810-8-3

*Diterbitkan oleh:*

**JABATAN MUFTI NEGERI SELANGOR**

Tingkat 7 & 8,

Menara Utara, Bangunan Sultan Idris Shah, 40000 Shah Alam,  
Selangor Darul Ehsan.

Tel : 03-55143738 | Fax : 03-55197584



# Isi Kandungan

---

1. Sekapur Sirih	5
2. Tujuan	6
3. Latar Belakang	6
4. Objektif	11
5. Tafsiran	12
6. Garis Panduan Pakaian	12
• Umum Bagi Lelaki Dan Perempuan	12
• Khusus Bagi Lelaki	14
• Khusus Bagi Perempuan	15
7. Konsep Penganjuran Peragaan Fesyen Menurut Syara	16
8. Penutup	16



# Sekapur Sirih

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Dengan nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Penyayang. Segala puji ke hadrat Allah SWT serta selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad SAW yang menjadi cermin keteladanan buat ummah sepanjang zaman, serta kepada seluruh keluarga baginda, para sahabat mereka yang senantiasa mengikut jejak Baginda hingga ke hari perhitungan kelak.

Alhamdulillah saya memanjatkan rasa syukur ke hadrat Allah SWT di atas nikmat hidayah dan izinNya Jabatan Mufti Negeri Selangor telah berjaya menghasilkan **Garis Panduan Etika Berpakaian Bagi Orang Islam Di Premis-Premis Kerajaan Negeri Selangor**. Dengan penghasilan garis panduan ini, ia akan menjadi panduan kepada seluruh masyarakat Negeri Selangor khususnya berkaitan pematuhan cara berpakaian orang Islam ketika bertugas dan berurusan di premis-premis kerajaan.

Sekalung penghargaan dan tahniah kepada YB Dato' Dr. Hj. Ahmad Yunus bin Hairi, Pengerusi Jawatankuasa Tetap Hal Ehwal Agama Islam, Adat Melayu dan Warisan, Pembangunan Desa dan Kampung Tradisi Negeri Selangor di atas cetusan idea bagi penghasilan garis panduan ini. Tidak lupa Ashabul Fadhilah Dato'-Dato' serta Ahli-Ahli Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor di atas curahan ilmu dan kepakaran masing-masing dalam penghasilan garis panduan ini selaras dengan keperluan semasa umat Islam.

Tidak lupa juga ucapan terima kasih dan syabas saya tujukan kepada para petugas dan urusetia yang terlibat sama ada secara langsung atau tidak langsung dalam proses pembukuan garis panduan ini. Semoga amal bakti dan keringat yang dicurahkan diterima sebagai amal soleh yang akan memberatkan neraca timbangan di akhirat kelak.

Akhir kata, semoga melalui penerbitan garis panduan ini dapat memberikan sedikit sebanyak manfaat dan dijadikan sebagai sumber rujukan kepada masyarakat khususnya di Negeri Selangor dan Malaysia amnya. Segala kekurangan yang berlaku dalam penerbitan garis panduan ini pohon dimaafkan dan sedia menerima teguran dan nasihat.

Sekian, wassalam.

**DATO' SETIA HAJI MOHD TAMYES BIN ABD WAHID**

S.S.I.S., D.P.M.S., P.P.T.

Dato' Seri Utama Diraja Mufti Selangor



## 1 TUJUAN

Garis Panduan Etika Berpakaian Bagi Orang Islam Di Premis-Premis Kerajaan Negeri Selangor ini disediakan untuk memberi panduan kepada semua kakitangan kerajaan yang bertugas dan orang awam beragama Islam yang berurusan di premis-premis kerajaan negeri.

## 2 LATAR BELAKANG

Etika berpakaian bagi orang-orang Islam adalah berpegang kepada konsep dan prinsip aurat dalam Islam.

### 2.1 Konsep aurat

Aurat dari segi bahasa membawa maksud keaiban. Menurut syara' aurat bermaksud bahagian-bahagian tertentu pada anggota badan manusia yang wajib ditutupi daripada pandangan orang yang diharamkan melihatnya. Firman Allah SWT dalam surah an-Nur ayat 31 yang bermaksud:

*"Dan janganlah mereka (perempuan) memperlihatkan perhiasan tubuh mereka kecuali yang zahir daripadanya dan hendaklah mereka, menutup belahan leher bajunya dengan tudung kepala mereka".*

### 2.2 Batas Aurat Asas

#### 2.2.1 Aurat Lelaki ketika bersendirian

Imam Syafi'ie berpendapat: *"Ketika seseorang itu bersendirian, makruh mendedahkan auratnya. Adapun dalam keadaan dharurat diharuskan untuk membukanya".*

#### 2.2.2 Aurat Lelaki Bersama Orang Lain

Diriwayatkan daripada Abu Said al-Khudri bahawa Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud:

*"Seorang lelaki tidak boleh melihat aurat lelaki lain, dan seorang perempuan tidak boleh melihat aurat perempuan yang lain. Dan tidak boleh seorang lelaki memakai baju yang sama dengan lelaki lain (berkongsi dalam satu baju) dan tidak boleh seorang perempuan memakai baju yang sama dengan perempuan lain (berkongsi dalam satu baju)".*

(Riwayat Muslim)



Aurat bagi seorang lelaki itu ada dua keadaan:

- (1) Auratnya dengan sesama lelaki dan perempuan yang mahram dengannya. Auratnya ialah di antara pusat hingga lutut sahaja.
- (2) Auratnya dengan perempuan yang bukan mahramnya. Auratnya adalah seluruh tubuh badannya.

### **2.2.3 Aurat Perempuan Ketika Bersendirian / Perempuan Lain / Lelaki Mahramnya**

Semasa seorang diri atau di hadapan lelaki mahramnya atau di hadapan perempuan Islam yang baik akhlak, batas auratnya adalah antara pusat hingga lutut.

Walau bagaimanapun, bagi menjaga adab serta memperhalusi akhlak ketika berhadapan dengan lelaki mahramnya, eloklah perempuan itu menjaga dan menutup auratnya yang selain dari pusat hingga lutut agar tidak menimbulkan ghairah kepada lelaki. Lebih-lebih lagi ditakuti akan menimbulkan fitnah, kes sumbang mahram dan lain-lain.

### **2.2.4 Aurat Perempuan Di Hadapan Lelaki Ajnabi**

Aurat perempuan dihadapan lelaki yang bukan mahramnya ialah seluruh tubuh badan kecuali muka dan kedua tapak tangannya. Firman Allah SWT dalam surah al-Ahzab ayat 59 yang bermaksud;

*“Wahai Nabi, katakanlah kepada isteri-isteri dan anak-anak perempuan kamu serta kepada para isteri orang mukmin sekalian, hendaklah melabuhkan tudung mereka ke seluruh tubuh badan mereka kerana dengan itu mereka akan mudah dikenali (sebagai perempuan mukminah) dan mereka selamat daripada gangguan. Dan sesungguhnya Allah itu Maha Pengampun lagi Maha Penyayang”.*

Diriwayatkan daripada Saidatina Aisyah Radhiyallahu ‘anha bahawa suatu hari kakaknya iaitu Asma’ binti Abu Bakar datang mengadap Rasulullah SAW sedangkan ia berpakaian nipis (jarang). Melihatkan keadaan itu, Rasulullah SAW terus berpaling muka dan bersabda maksudnya:

*“Wahai Asma’, apabila seorang perempuan telah sampai masa haid (baligh), maka lelaki ajnabi tidak boleh melihatnya, kecuali kadar had ini (Rasulullah SAW mengisyaratkan pada muka dan kedua tapak tangannya)”.*

(Riwayat Abu Daud)

### **2.2.5 Aurat Perempuan Bersama Perempuan Bukan Islam**

Aurat perempuan ketika bersama dengan perempuan bukan Islam adalah seluruh tubuh kecuali anggota yang zahir ketika bekerja iaitu kepala, muka, leher, dua tapak tangan hingga ke siku sahaja dan dua tapak kakinya. Selain itu adalah diharamkan membukanya.

## **2.3 Mahram Bagi Lelaki Dan Perempuan**

Mahram bermakna orang-orang yang haram dinikahi oleh seseorang lelaki ataupun oleh seseorang perempuan. Pengharaman ini juga melibatkan batas-batas pergaulan dan aurat sesama mereka yang disebabkan oleh sebab nasab (keturunan), susuan dan perkahwinan.

Syara’ telah menggariskan golongan yang dianggap sebagai mahram kepada seseorang perempuan berdasarkan firman Allah SWT dalam surah An-Nur ayat 31 yang bermaksud:

*“Dan katakanlah kepada perempuan-perempuan yang beriman supaya menyekat pandangan mereka (daripada memandang yang haram), dan memelihara kehormatan mereka, dan janganlah mereka memperlihatkan perhiasan tubuh mereka kecuali yang zahir daripadanya, dan hendaklah mereka menutup belahan leher bajunya dengan tudung kepala mereka, dan janganlah mereka memperlihatkan perhiasan tubuh mereka melainkan kepada suami mereka, atau bapa mereka, atau bapa mertua mereka, atau anak-anak mereka, atau anak-anak tiri mereka, atau saudara-saudara mereka, atau anak bagi saudara-saudara mereka yang perempuan, atau perempuan-perempuan Islam, atau hamba-hamba mereka, atau orang gaji dari orang-orang lelaki yang telah tua dan tidak berkeinginan kepada perempuan, atau kanak-kanak yang belum mengerti lagi tentang aurat perempuan, dan janganlah mereka menghentakkan kaki untuk diketahui orang akan apa yang tersembunyi dari perhiasan mereka, dan bertaubatlah kamu sekalian kepada Allah, wahai orang-orang yang beriman, supaya kamu berjaya”.*

## **2.3.1 Mahram Bagi Lelaki**

### **2.3.1.1 Mahram Dengan Sebab Nasab (Keturunan)**

- i. Ibu kandung.
- ii. Anak perempuan.
- iii. Saudara perempuan (adik atau kakak seibu sebapa atau seibu sahaja atau sebapa).
- iv. Anak perempuan kepada adik beradik seibu sebapa atau seibu sahaja atau sebapa.
- v. Kanak-kanak perempuan yang belum mengerti tentang aurat perempuan (belum mumayyiz).

### **2.3.1.2 Mahram Dengan Sebab Susuan**

- i. Ibu susuan.
- ii. Anak perempuan ibu susuan.
- iii. Adik beradik ibu susuan.
- iv. Ibu saudara kepada ibu susuan hingga ke atas,
- v. Anak perempuan kepada saudara perempuan ibu susuan hingga ke bawah.

### **2.3.1.3 Mahram Dengan Sebab Perkahwinan**

- i. Ibu isteri (ibu mertua) dan ke atas.
- ii. Anak perempuan kepada isteri yang telah disetubuhinya.
- iii. Menantu perempuan.

## **2.3.2 Mahram Bagi Perempuan**

### **2.3.2.1 Mahram Dengan Sebab Nasab (Keturunan)**

- i. Baba kandung.
- ii. Anak lelaki.
- iii. Saudara lelaki (adik atau abang seibu sebapa atau seibu sahaja atau sebapa sahaja).
- iv. Anak lelaki kepada saudara seibu sebapa atau seibu atau sebapa (anak saudara)
- v. Kanak-kanak lelaki yang belum mengerti tentang aurat perempuan (belum mumayyiz).

### 2.3.2.2 Mahram Dengan Sebab Susuan

- i. Anak lelaki ibu susuan.
- ii. Suami kepada ibu susuan.
- iii. Adik beradik ibu susuan.
- iv. Papa saudara ibu susuan hingga ke atas,
- v. Anak saudara lelaki ibu susuan hingga ke bawah.

### 2.3.2.3 Mahram Dengan Sebab Perkahwinan

- i. Papa suami (papa mertua) dan ke atas.
- ii. Anak lelaki kepada suami yang telah disetubuhinya.
- iii. Menantu lelaki.

## 2.4 Tabarruj Dalam Berpakaian

*Tabarruj* pada bahasa ialah menampakkan perhiasan dan anggota tubuh untuk menarik perhatian lelaki bukan mahram.

Menurut syara' *tabarruj* itu bermakna menampakkan dengan sengaja perhiasan yang seharusnya tidak dinampakkan kepada yang bukan mahramnya, juga memakai perhiasan dengan tujuan agar dikagumi atau sebagai alat untuk membanggakan diri atau digunakan secara berlebihan.

*Tabarruj* juga membawa maksud memperlihatkan perhiasan seperti emas dan mutiara yang dipakainya di sebalik penutup wajahnya, memakai wangi-wangian ketika keluar rumah serta memakai pakaian yang mencolok mata seperti mengenakan pakaian nipis dan ketat.

Firman Allah SWT dalam surah al-Ahzab ayat 33 yang bermaksud;

*"Dan hendaklah kamu tetap diam di rumah kamu serta janganlah kamu bertabarruj seperti yang dilakukan orang-orang jahiliyyah yang zaman dahulu dan dirikanlah solat, serta tunaikanlah zakat dan taatlah Allah dan Rasul-Nya.*

FirmanNya lagi dalam surah al-A'raf ayat 31:

*"Wahai anak-anak Adam! Pakailah pakaian kamu yang indah berhias pada tiap-tiap kali kamu ke tempat ibadah (atau mengerjakan solat), dan makanlah serta minumlah dan jangan pula kamu melampau-lampau, sesungguhnya Allah tidak suka akan orang-orang yang melampau batas".*

## 2.5 Fesyen Adalah *Tahsiniyyat* (Tambahan) Bukan *Dhoruriyyat* (Keutamaan)

Perkara yang paling utama dan asas adalah menutup aurat dengan apa-apa jenis pakaian. Sebagai tambahan jika ada kemampuan, pakaian tersebut boleh diperelokkan dan direka bentuk mengikut kehendak yang sesuai atau apa yang disebut sebagai fesyen pakaian. Walau bagaimanapun, hendaklah dipastikan pakaian tersebut dengan reka bentuknya perlu mematuhi kehendak syara' yang telah ditetapkan.

## 2.6 Fitnah Terhadap Agama

Menutup aurat hendaklah dilakukan sebagaimana yang telah ditetapkan oleh syara'. Berpakaian tetapi dalam masa yang sama pakaian tersebut sebenarnya tidak memenuhi kaedah berpakaian yang ditetapkan oleh syara' akan membawa fitnah yang besar kepada agama. Lebih-lebih lagi jika ia dijenamakan sebagai pakaian muslimah seperti jubah muslimah tetapi kadangkala ia sebenarnya tidak mematuhi kriteria pakaian yang dibenarkan oleh syara' itu sendiri.

## 2.7 Larangan Qaza'

Qaza' bermaksud mencukur sebahagian rambut dan membiarkan sebahagian yang lain secara mutlak.

Ibnu Umar berkata: *"Aku mendengar Rasulullah SAW menegah dari Qaza'.*

(Riwayat al-Bukhari)

Daripada Ibnu Umar berkata: *"Sesungguhnya Nabi SAW melihat seorang budak mencukur sebahagian kepalanya dan membiarkan sebahagian yang lain. Nabi SAW menegahnya dan berkata "Hendaklah kamu mencukur semuanya atau membiarkan semuanya".*

(Riwayat al-Bukhari)

## 3 OBJEKTIF

- 3.1 Mewujudkan garis panduan berpakaian terhadap semua kakitangan awam dan masyarakat Islam yang berurusan di premis-premis kerajaan negeri.
- 3.2 Memastikan umat Islam menjaga pergaulan melalui batas-batas aurat dalam kehidupan beragama.
- 3.3 Mengharapkan keredhaan Allah SWT dalam melaksanakan tugas yang diamanahkan dengan mematuhi segala peraturan yang ditetapkan oleh syara'.

- 3.4 Memperolehi kebaikan dan sakinah (ketenangan) daripada Allah SWT seperti kemanisan iman, jiwa yang bersih suci, terpelihara daripada fitnah dan terpelihara daripada gangguan seksual.

#### 4 TAFSIRAN

- 4.1 **Labuh** : Apa-apa pakaian yang digunakan untuk menutup muka, dada dan punggung dengan sempurna, tidak nipis dan tidak ketat.
- 4.2 **Sutera** : Sutera asli yang diperbuat daripada benang ulat sutera dan tidak termasuk sutera sintetik (buatan).
- 4.3 **Alat vital** : Alat kelamin atau kemaluan lelaki mahupun perempuan.
- 4.4 **'Uruf** : Sesuatu yang telah menjadi kebiasaan dan kelaziman bagi satu-satu masyarakat sama ada berupa perbuatan atau perkataan.
- 4.5 **Ketat** : Tidak longgar yang menampakkan bentuk badan.
- 4.6 **Ajnabi** : Bukan mahram kepada perempuan.

#### 5 GARIS PANDUAN PAKAIAN

##### 5.1 Panduan Umum Bagi Lelaki Dan Perempuan

###### 5.1.1 Pakaian Tidak Jarang

Pakaian yang jarang ialah yang menampakkan aurat atau kulit badan. Pakaian jarang bukan sahaja menampakkan warna kulit, malah boleh merangsang nafsu orang yang melihatnya. Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud:

*"Dua golongan ahli neraka yang belum pernah aku lihat ialah, satu golongan memegang cemeti seperti ekor lembu yang digunakan bagi memukul manusia, dan satu golongan perempuan yang memakai pakaian tetapi telanjang dan meliuk-liukkan badan juga kepalanya seperti bonggol unta yang tunduk. Mereka tidak masuk syurga dan tidak dapat mencium baunya walaupun bau syurga itu dapat dicium daripada jarak yang jauh".*

(Riwayat Muslim)

###### 5.1.2 Pakaian Tidak ketat

Tujuannya adalah supaya tidak kelihatan bentuk tubuh badan, terutama alat vital yang sepatutnya disembunyikan yang boleh merangsang syahwat orang-orang yang melihatnya.

Sebagaimana riwayat Usamah bin Zaid R.A. bahawa Rasulullah SAW telah menghadiahkan kain qibtiah kepada beliau lalu diberikan kepada isterinya. Kemudian Rasulullah SAW bersabda:

*"Suruhlah isterimu melapik kain tersebut dengan kain yang lain di bawahnya, kerana aku bimbang jika kain Qibtiah itu tidak dilapik, maka akan kelihatanlah bentuk badan isterimu".*

(Riwayat Ahmad)

### 5.1.3 Tidak Membawa Kepada Riya'

Dari Abdullah bin Umar R.A. bahawasanya Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud:

*"Sesiapa yang melabuhkan (isbal) pakaiannya kerana perasaan sombong, Allah tidak akan memandangnya pada hari kiamat".*

(Riwayat al-Bukhari)

Dari Abdullah bin Umar R.A. bahawasanya Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud:

*"Sesiapa memakai pakaian kemasyhuran, nescaya Allah akan memakaikan kepadanya pakaian kehinaan pada hari kiamat nanti. Kemudian ia akan dibakar dengan pakaiannya ke dalam neraka".*

(Riwayat Ahmad)

### 5.1.4 Tidak Berlebih-lebihan

Firman Allah SWT dalam surah al-A'raf ayat 31 yang bermaksud:

*"Wahai anak-anak Adam! Pakailah pakaian kamu yang indah berhias pada tiap-tiap kali kamu ke tempat ibadah (atau mengerjakan solat), dan makanlah serta minumlah dan jangan pula kamu melampau-lampau, sesungguhnya Allah tidak suka akan orang-orang yang melampaui batas".*

Daripada Abdullah bin 'Amru R.A. bahawa Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud:

*"Makanlah, bersedekahlah, dan berpakaianlah kalian dengan tidak berlebih-lebihan serta sombong".*

(Riwayat an-Nasa'ie)

### 5.1.5 Tidak Menyerupai Syiar Pakaian Agama Lain

Hal ini dibimbangi orang Islam akan meninggalkan keperibadian muslim itu sendiri dan menimbulkan fitnah terhadap agama Islam itu sendiri. Contohnya topi dan kopiah orang yahudi dan pakaian yang mempunyai lambang satu-satu agama.

Daripada Ibnu Umar R.A. bahawa Rasulullah SAW bersabda bermaksud:

*"Sesiapa meniru atau menyerupai sesuatu kaum, maka dia termasuk dalam golongan mereka".*

(Riwayat Abu Daud)

### 5.1.6 Bahan Buatan Daripada Jenis Yang Halal

Bahan buatan pakaian tersebut hendaklah daripada bahan-bahan yang suci dan tidak bernajis seperti kulit binatang. Daripada Abdullah bin Abbas R.A. Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud:

*"Apabila kulit telah disertu maka ia telah suci".*

(Riwayat Muslim)

### 5.1.7 Tiada tulisan atau gambar yang keterlaluan pada pakaian

Pakaian yang mempunyai tulisan atau gambar yang keterlaluan akan menimbulkan rasa kurang selesa dan sopan serta menyalahi etika semasa berurusan di premis-premis kerajaan.

## 5.2 Khusus Bagi Lelaki

### 5.2.1 Tidak Menyerupai Pakaian Perempuan

Orang lelaki tidak dibenarkan memakai pakaian yang khusus untuk kaum perempuan atau yang menyerupai perempuan. Diriwayatkan daripada Ibnu Abbas R.A. bahawa:

*"Rasulullah SAW melaknat golongan lelaki yang menyerupai perempuan dan golongan perempuan yang menyerupai lelaki".*

(Riwayat al-Bukhari)



### 5.2.2 Tidak Diperbuat Daripada Sutera Dan Emas

Islam mengharamkan kaum lelaki memakai sutera dan emas. Diriwayatkan daripada Abu Musa al-Asy'ari R.A. bahawa Rasulullah SAW bersabda yang maksudnya:

*"Diharamkan memakai sutera dan emas ke atas lelaki daripada umatku dan dihalalkan (kedua-duanya) untuk perempuan".*

(Riwayat at-Tirmidzi)

## 5.3 Khusus Bagi Perempuan

### 5.3.1 Tidak Menyerupai Pakaian Lelaki

Orang perempuan tidak dibenarkan memakai pakaian yang khusus untuk orang lelaki atau menyerupai golongan lelaki. Diriwayatkan daripada Ibnu Abbas R.A. bahawa:

*"Rasulullah SAW melaknat golongan lelaki yang menyerupai perempuan, dan golongan perempuan yang menyerupai lelaki".*

(Riwayat al-Bukhari)

### 5.3.2 Melabuhkan Pakaian.

Hendaklah melabuhkan pakaiannya seperti tudung yang sepatutnya dipakai sesuai kehendak syara' iaitu bagi menutupi kepala dan rambut, tengkuk atau leher dan dada. Juga pakaian-pakaian perempuan hendaklah dilabuhkan agar menutupi bahagian punggung mereka.

Firman Allah dalam surah al-Ahzab ayat 59 yang bermaksud:

*"Wahai Nabi, katakanlah (suruhlah) isteri-isteri dan anak-anak perempuanmu serta perempuan-perempuan beriman, supaya mereka melabuhkan tudung mereka ke seluruh tubuh mereka. Yang demikian itu supaya mereka lebih mudah untuk dikenal, kerana itu mereka tidak diganggu. Dan Allah adalah Maha Pengampun dan Maha Penyayang".*

### 5.3.3 Tidak Menarik Perhatian Lelaki

Orang perempuan dilarang memakai perhiasan-perhiasan yang boleh menarik perhatian orang lelaki atas maksud *tabarruj* seperti yang telah dijelaskan sebelum ini. Firman Allah dalam surah an-Nur ayat 31 yang bermaksud:

*"Dan janganlah mereka (perempuan) menghentakkan kaki mereka agar diketahui perhiasan yang mereka sembunyikan (gelang kaki)".*

Ini menunjukkan sebarang perbuatan yang boleh menarik perhatian orang lelaki seperti bunyi gelang kaki, hentakan kasut dan lain-lain adalah dilarang.

#### **5.3.4 Tidak Berwangi-wangian**

Golongan perempuan yang memakai wangi-wangian sehingga dapat dihidu oleh orang ramai yang bukan mahramnya telah diumpamakan seperti pezina. Perumpamaan ini jelas membawa maksud perbuatan tersebut adalah diharamkan. Diriwayatkan daripada Abu Musa al-Asy'ari R.A. bahawa Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud:

*"Mana-mana perempuan yang memakai wangi-wangian kemudian berjalan di tengah orang ramai dan mereka mendapati baunya maka perempuan itu adalah seorang pezina".*

(Riwayat Ibn Hibban)

## **6 KONSEP PENGANJURAN PERAGAAN FESYEN MENURUT SYARA'**

- 6.1 Pakaian-pakaian yang diperagakan menepati garis panduan.
- 6.2 Penggunaan peragawati/peragawan adalah harus, dengan syarat penggayaannya tidak bertentangan dengan hukum syara'.
- 6.3 Terpelihara daripada pergaulan bebas antara lelaki dan perempuan.
- 6.4 Diadakan pada tempat dan waktu yang sesuai.
- 6.5 Tidak melalaikan daripada menunaikan perintah Allah SWT.
- 6.6 Tidak disertai dengan perbuatan-perbuatan haram atau maksiat.

## **7 PENUTUP**

Semoga dengan adanya garis panduan ini akan dapat membantu dalam memberikan penjelasan berkaitan etika berpakaian menurut kehendak syariat Islam kepada umat Islam khususnya para penjawat awam serta masyarakat yang berurusan di premis-premis kerajaan negeri Selangor.






## JABATAN MUFTI NEGERI SELANGOR

Tingkat 7 & 8,

Menara Utara, Bangunan Sultan Idris Shah,  
40000 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan.

Tel : 03-55143738 | Fax : 03-55197584

 Jabatan Mufti Negeri Selangor

ISBN 978-983-42810-8-3



9 789834 281083